

FAD WUJUDKAN KAWASAN PENANGKAPAN IKAN YANG LEBIH SELAMAT

Petronas santuni nelayan menerusi projek pemasangan Peranti Pengumpulan Ikan sekali gus jadi instrumen perubahan impak sosial

Menyedari keber-
gantungan penuh
komuniti nelayan
pada hasil tangkapan
ikan bagi meneruskan
kelangsungan hidup,
Petroleum Nasional Ber-
had (Petronas) dengan
kerjasama Jabatan Peri-
ikanan Malaysia telah
menyantuni golongan itu
menerusi projek pema-
sangan Peranti Pengum-
pulan Ikan atau Fish Ag-
gregating Device (FAD).

FAD adalah alat khusus
yang diletakkan secara
strategik di laut untuk
mencipta tempat pen-
gumpulan ikan buatan,
bagi menarik pelbagai
spesies ikan.

Menurut Pengurus Besar
Komunikasi Strategi
Huluhan Petronas Ai-
my Zairin Mohamed,
projek terbabit selaras
dengan komitmen berte-
rusan Petronas dalam
usaha memastikan kese-

lamatan komuniti nela-
yan setempat, serta un-
tuk menjauhkan mereka
dari kawasan operasi pe-
lantar minyak milik sya-
rikat terbabit yang me-
rupakan kawasan lara-
ngan dan berbahaya.

"Petronas menyedari
kepentingan amalan pe-
nangkapan ikan yang
mampun dan selamat da-
lam mengekalkan keseim-
bangan ekosistem marin.

"Dalam usaha mencari
penyelesaian yang mam-
pan, kami telah mene-
roka penggunaan FAD,
bukan sahaja sebagai
alat bantuan menangkap
ikan yang cekap, tetapi
sebagai instrumen peru-
bahan impak sosial bagi

mereka yang bergantung
kepada laut sebagai mata
pencarian.

"Dengan adanya FAD
ini, komuniti nelayan
tempatan dapat menja-
lankan aktiviti perikanan
dengan lebih selamat
dan meningkatkan hasil
tangkapan ikan atas se-
bab penarikan dan pen-
gumpulan ikan di ka-
wasan struktur FAD.

"Kebaikan instrumen
marin itu juga memban-
tu mengurangkan risiko
haus dan lusuh pada bot
disebabkan aktiviti peri-
ikanan yang lebih tertum-
pu. Impak positif inisiatif
FAD Petronas merangku-
mi manfaat ekonomi,
kerjasama dengan Jaba-



AIMI Zairin

tan Perikanan dan peng-
libatan komuniti nelayan
tempatan," katanya.

Kata Aimi Zairin lagi,
keberkesanan penggu-

naan FAD dilihat sebagai
peranti yang efisien me-
nangkap ikan, mengu-
rangkan kos operasi ne-
layan, dan memberikan
alternatif bagi kawasan
pembenihan ikan.

"Penggunaan FAD ini
mewujudkan kawasan
penangkapan ikan alter-
natif yang jauh dari zon
larangan iaitu kawasan
500 meter radius dari pe-
lantar minyak seperti di-
wartakan mengikut Akta
Kawasan Larangan dan
Tempat Larangan 1959.

"Ia juga mengurang-
kan kadar pencerobohan
di kawasan pelantar mi-
nyak, sekali gus mening-
katkan keselamatan para
nelayan.

"Ketika ini sudah 1,350
nelayan telah menerima
manfaat projek FAD dan
mini FAD sepanjang ta-
hun 2023 manakala 500
nelayan lagi bakal men-
dapat manfaat projek
FAD pada tahun hada-
pan," katanya.

Projek ini bermula de-
ngan skala kecil iaitu 20
Mini FAD yang telah di-
sumbangkan kepada ne-
layan di Pulau Gaya, Sa-
bah pada tahun 2022.

"Selepas kejayaan
Projek Mini FAD di Pulau
Gaya tahun lalu, kami te-
rus menyumbangkan se-
jumlah 20 FAD and 160
mini FAD di perkampun-
gan nelayan di Sabah
dan Terengganu dari Mei
hingga Oktober 2023.

"Di Sabah, sebanyak 20
FAD dan 110 mini FAD
atau lebih dikenali dalam
kalangan komuniti tem-
patan sebagai unjam
atau payao telah disum-
bangkan di Kota Belud,
Kimanis, Kota Kinabalu,
Kudat dan Semprona. Di
Terengganu, kami telah
menyumbang sebanyak
50 mini FAD di Besut,"
katanya.

FAD bantu tingkat jumlah tangkapan

Kota Kinabalu: Pengu-
naan alat Peranti Pen-
gumpulan Ikan atau
Fish Aggregating Device
(FAD) dalam aktiviti pe-
nangkapan ikan antara
inisiatif terbaik mem-
bantu komuniti nelayan
laut dalam di Sabah me-
ningkatkan jumlah
tangkapan.

Nelayan laut dalam,
Alkarim Mussapa, 37,
berkata, pihaknya sudah
lama menggunakan FAD
untuk menangkap ikan
namun peranti itu hanya
tertumpu bagi penang-
kapan ikan tuna sahaja.

"Jumlah hasil tangka-
pan itu memang ketara
kerana saya hanya
mungkin boleh menda-
patkan sekitar 100 tan
ikan sahaja ketika
menggunakan cara tra-
disional seperti lampu.

"Bagaimanapun, nilai
terbabit bertambah 200
hingga 300 tan sebulan
selepas menggunakan
peranti FAD," katanya
yang kini sudah memi-
liki 10 unit peranti FAD.

Alkarim menyatakan
peranti itu terbukti
mampu membantu me-
ningkatkan nilai hasil
tangkapan.

Dalam pada itu, dita-
nya mengenai bantuan
peranti FAD diberikan
kepadanya menerusi
program kerjasama an-



ANTARA hasil tangkapan ikan yang diperoleh Alkarim selepas
penggunaan peranti FAD. - Gambar NSTP/YUN MIKAIL

tara Petronas dan Jaba-
tan Perikanan Sabah, Al-
karim berpendapat inis-
iatif seumpama itu ada-
lah salah satu usaha ter-
baik bagi membantu ko-
muniti nelayan laut da-
lam seperti beliau men-
dapatkan peralatan ber-
kenaan ekoran kos di-
perluankan membeli satu
unit FAD sahaja dijangka
sekitar RM10,000.

Sementara itu, Penga-
rah Perikanan Sabah Az-
har Kassim berkata, pi-
hainya sentiasa meng-
galakkan nelayan di Sa-
bah untuk terus mene-

roka hasil laut dalam se-
kitar perairan negeri
berkenaan sejajar Pelan
Tindakan Dasar Sekuriti
Makanan 2021-2025.

Azhar berkata, peng-
gunaan FAD di Sabah
bukan suatu perkara ba-
haru malahan mula di-
gunakan sejak tahun
1980-an lagi dengan pel-
bagai jenis FAD.

Menurut beliau, peng-
gunaan FAD merupakan
antara langkah pihak Ja-
batan Perikanan Sabah
bagi mengekalkan atau
menambah sumber pe-
riikanan sedia ada di ne-

geri berkenaan.

"Perairan Sabah ini
cukup luas iaitu sekitar
lebih 50,000 kilometer
persegi selain memiliki
rizab kira-kira 25,000 ki-
lometer persegi di ka-
wasan Ambalat.

"Walaupun kawasan
perairan Sabah luas na-
mun daya saing nelayan
kita masih kurang untuk
dapat meneroka seluruh
kawasan ini.

"Oleh itu, kita sentiasa
mengalu-alukan usaha-
sama pihak luar seperti
Petronas agar dapat
membantu nelayan laut
dalam di negeri ini ter-
masuklah bantuan pem-
berian peranti FAD," ka-
tanya ketika ditemui.

Mengulas tentang ker-
jasama antara Jabatan
Perikanan Sabah dan
Petronas, Azhar memak-
lumkan sebanyak 40 unit
alat FAD telah disum-
bangkan pihak Petronas
untuk diberikan kepada
nelayan di Sabah.

Terdahulu, majlis me-
nandatangani perjanjian
persefahaman (MoU) di-
meterai antara Petronas
diwakili Ketua Penguru-
san Operasi Petroleum,
Pengurusan Petroleum
Malaysia, Handan Ramli
manakala Jabatan Peri-
ikanan diwakili Penga-
rahnya, Azhar Kassim
pada Februari tahun ini.

Nelayan sampan akui unjam beri impak positif

Besut: Pemasangan un-
jam memberi impak po-
sitif kepada nelayan sam-
pan di daerah ini berik-
utan peningkatan hasil
tangkapan oleh nelayan.

Pengerusi MyKomuniti
Perikanan Sampan Kam-
pung Nail, Mohd Nor Za-
idi Mustafa, 42, berkata,
unjam merupakan peru-
mah bagi ikan antaranya
spesies selar, kembung
dan gelama.

Menurutnya, 50 unjam
dipasang Petronas di pe-
rairan Kuala Besut itu se-
memangnya memberi
banyak manfaat terutama
dalam peningkatan hasil
selain jarak untuk ke laut
dapat disingkatkan.

Katanya, sebelum ini
nelayan sampan terutama
dari Kampung Nail, perlu
meredah perjalanan se-
jauh 25 hingga 30 kilo-
meter (km) dengan me-
ngambil masa lebih satu
jam untuk sampai ke lo-
kasi penangkapan ikan.

"Namun dengan ada-
nya unjam yang dilabu-
kan pada kedudukan 7
meter (m), amat memu-
dahkan nelayan selain
perlu menempuh jarak
perjalanan yang singkat.

"Sebelum ini, untuk
mendapatkan jumlah
ikan yang banyak agak
susah namun itu lah ke-
baikan adanya unjam ke-



MOHD Nor Zaidi

rana hasil tangkapan
meningkat.


"Contohnya dahulu un-
tuk dapat tangkapan 10
kilogram (kg) sehari pun
susah namun adanya un-
jam hasil boleh mence-
cah lebih 50kg namun ia
bergantung kepada pel-
bagai faktor," katanya
yang mempunyai 36 ahli.

Menurutnya, penggu-
naan minyak juga dapat
dijimatkan selain pada
musim tengkujuh nela-
yan tetap boleh kelaut ke-
rana jarak yang dekat se-
lain mempunyai lokasi
untuk dituju iaitu unjam.

Katanya, jarak unjam
yang dekat juga tidak be-
gitu membimbangkan
nelayan untuk kelaut
dan sekiranya berlaku
kecemasan mereka mu-
dah untuk bergerak pu-
lang atau meminta per-
tolongan.


FAD di Laut China Selatan

Peranti Pengumpulan Ikan (Fish Aggregating Device - FAD)



Kategori	Jenis FAD	Kumpulan pengguna	Objektif
FAD perindustrian	Hanyutan dan pelampung berlabuh	Pukat jerut, joran dan pancing	Digunakan oleh syarikat nelayan untuk menyokong kapal skala industri yang menyasarkan tuna besar
FAD artisanal	Semua pelampung berlabuh: luar pesisir, pesisir dekat (permukaan dan sub permukaan) dan lagun.	Nelayan sara diri, artisanal dan rekreasi	Ditetapkan oleh agensi perikanan kerajaan untuk meningkatkan keterjaminan makanan dan membangunkan perikanan domestik berskala kecil, termasuk pelancongan sukan memancing.

Bagaimana FAD berfungsi



KEMERIAHAN FAD

- Meningkatkan kecekapan memancing dan hasil tangkapan
- Mengurangkan masa dan kos operasi aktiviti menangkap ikan dengan menyasarkan kawasan yang lebih tertumpu
- Memastikan keterjaminan makanan dan pembangunan industri perikanan
- Menyumbang kepada peningkatan mata pencarian bagi komuniti nelayan
- Menyumbang kepada penambahbaikan ekosistem marin
- Menggalakkan kerjasama komuniti nelayan dengan agensi tempatan dan organisasi yang terlibat
- Kawasan penangkapan ikan yang selamat, di luar zon larangan 500 meter dari pelantar minyak.

Kedalaman 20 meter

1. Basung/ Tulai
2. Tuna 1 - 5kg
3. Ayam-ayam
4. Tamarong
5. Idung/Sardin 1 kg
6. Dorado

Kedalaman 40 meter

1. Tuna 10kg ke atas
2. Masuji/Layaran

Kedalaman 60 meter

1. Tuna 40kg ke atas
2. Masuji/Layaran